

NOTA AMALAN NO. 1 / 2021

LAYANAN CUKAI KE ATAS CUKAI MUKTAMAD

1. Nota Amalan ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan berhubung layanan Cukai Muktamad di bawah peruntukan subseksyen 77C(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP). Pembayar cukai yang mempunyai pendapatan penggajian dan Potongan Cukai Bulanan (PCB) boleh memilih untuk tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) kepada LHDNM. Jika pilihan telah dibuat, iaitu tidak mengemukakan BNCP, maka PCB yang telah dipotong oleh majikan adalah dianggap sebagai Cukai Muktamad. Layanan Cukai Muktamad ini berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2014.
2. Nota Amalan ini menjelaskan perkara berikut:
 - 2.1 Kategori pembayar cukai yang layak:

Tahun Taksiran (TT)	Kelayakan Pembayar Cukai
TT 2014	<ul style="list-style-type: none">• Bekerja hanya dengan satu majikan.• Berkhidmat dengan majikan yang sama untuk sepanjang tempoh 12 bulan dalam tahun taksiran tersebut. Ini bermakna, sekiranya kurang daripada 12 bulan, pembayar cukai adalah tidak layak (BNCP perlu dikemukakan).• Cukai tidak ditanggung oleh majikan.• Suami atau isteri tidak membuat pilihan untuk ditaksir bersama di bawah seksyen 45 ACP.• PCB dipotong mengikut Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 (KKCP) atau tiada PCB dipotong kerana pendapatan di bawah tahap dikenakan potongan (PCB kosong).

Tahun Taksiran (TT)	Kelayakan Pembayar Cukai
	<ul style="list-style-type: none"> • Manfaat Berupa Barangan (MBB) dan Nilai Tempat Kediaman (NTK) telah diambilkira dalam pengiraan PCB.
TT 2015	<p>Kelayakan yang sama seperti TT 2014 dengan tambahan kelayakan diperluaskan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berkhidmat dengan majikan yang sama untuk tempoh kurang daripada 12 bulan. • Majikan diwajibkan membuat PCB atas MBB dan NTK. • Pekerja yang baru memulakan penggajian dan kurang 12 bulan dalam tahun taksiran berkenaannya.
TT 2016 dan seterusnya	<p>Kelayakan yang sama seperti TT2014 dan TT2015 dengan tambahan kelayakan diperluaskan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua pendapatan penggajian yang diterima bagi tempoh tertentu dalam tahun semasa termasuk apa-apa pendapatan penggajian tahun kebelakangan seperti gaji, upah, tip, elaun, komisen, kerja lebih masa, bonus/insentif, perkuisit, skim opsyen saham pekerja, cukai yang ditanggung oleh majikan, yuran pengarah, ganjaran termasuk bayaran tertunda di atas pemberhentian penggajian (tidak mendapat pengecualian di bawah mana-mana peruntukan akta), gaji cuti yang diterima sebagai pendahuluan dalam kes pemberhentian dan saraan lain berkaitan penggajian akan dikenakan cukai dalam tahun ianya diterima sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 25(1) ACP.

Tahun Taksiran (TT)	Kelayakan Pembayar Cukai
	<p>Contoh: Bagi pengemukaan BNCP TT2016, sekiranya ada pendapatan TT2015 dan sebelumnya yang diterima dalam tempoh TT2016, maka kesemuanya perlu dilaporkan sebagai pendapatan bagi maksud TT2016.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seseorang individu berhenti kerja dan meninggalkan Malaysia yang mana beliau bukan pemastautin pada tahun berikutnya, pendapatan penggajian yang boleh diterima dalam tahun berikutnya sama ada telah diterima atau tidak, akan dicukai dalam tahun di mana individu tersebut meninggalkan Malaysia selama-lamanya sebagaimana yang diperuntukan di bawah subseksyen 25(6) ACP. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayar cukai membuat pilihan untuk tidak menggunakan peruntukan subseksyen 25(6) ACP maka peruntukan subseksyen 25(1) ACP akan terpakai di mana pendapatan penggajian akan dikenakan cukai dalam tahun ianya diterima. <p>Contoh: Individu A akan berhenti kerja dan meninggalkan Malaysia dalam TT2016. Individu A mempunyai sejumlah pendapatan yang akan diterima/boleh diterima dalam TT2017. Di bawah subseksyen 25(6) ACP, kesemua pendapatan dalam tempoh TT2016 dan TT2017 (walaupun belum diterima) akan dicukai dalam TT2016.</p> <p>Namun, sekiranya individu A memilih subseksyen 25(1) ACP maka pendapatan dalam tempoh TT2017 akan dicukai dalam TT2017 dan bukannya TT2016. Individu A perlu memaklumkan majikan dan LHDNM berhubung pemilihan ini secara bertulis.</p>

2.2 Implikasi cukai muktamad:

Perkara	Implikasi
<ul style="list-style-type: none"> Pembayar cukai memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagaimana perenggan 2.1 dan masih tidak mengemukakan BNCP selepas tarikh yang telah ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pembayar cukai dianggap telah membuat pilihan untuk tidak menfailkan BNCP dan potongan PCB dianggap cukai muktamad. PCB yang telah dipotong merupakan cukai kena dibayar untuk tahun taksiran berkenaan. Tiada bayaran balik layak dituntut jika ada lebihan potongan PCB, sekiranya pembayar cukai memilih cukai muktamad.
<ul style="list-style-type: none"> Pembayar cukai membuat pilihan untuk tidak mengemukakan BNCP dan PCB dianggap sebagai cukai muktamad; dan kemudiannya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) mendapat maklumat baharu/tambahan berkenaan dengan pendapatan pembayar cukai. 	<ul style="list-style-type: none"> KPHDN mempunyai kuasa di bawah subseksyen 77C(3) ACP membangkitkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP atau taksiran tambahan di bawah seksyen 91 ACP. PCB yang telah dipotong tidak akan dianggap sebagai cukai muktamad sekiranya taksiran anggaran atau taksiran tambahan di bangkitkan oleh KPHDN.
<ul style="list-style-type: none"> Pembayar cukai ingin menuntut tambahan pelepasan bagi tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP.

Perkara	Implikasi
<p>taksiran pilihan cukai muktamad dibuat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • KPHDN akan membangkitkan taksiran untuk tahun taksiran berkenaan apabila BNCP diterima. • Penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP boleh dikenakan sekiranya BNCP diterima selepas tarikh akhir yang ditetapkan.
<ul style="list-style-type: none"> • Pembayar cukai ingin memohon bayaran balik bagi tahun taksiran pilihan cukai muktamad dibuat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya pilihan cukai muktamad telah dibuat, tiada bayaran balik yang boleh dituntut. • Oleh itu, sekiranya pembayar cukai ingin memohon bayaran balik, maka pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP. • KPHDN akan membangkitkan taksiran untuk tahun taksiran berkenaan apabila BNCP diterima. • Penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP boleh dikenakan sekiranya BNCP diterima selepas tarikh akhir yang ditetapkan.
<ul style="list-style-type: none"> • Pembayar cukai memilih tidak menuntut pelepasan atau rebat iaitu Borang TP1 (Borang Tuntutan Potongan dan Rebat Individu Bagi Tujuan PCB) tidak dikemukakan kepada majikan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kegagalan pembayar cukai mengemukakan Borang TP1 untuk tuntutan potongan menyebabkan cukai terlebih bayar kerana PCB terlebih potong. <p>Contoh: Potongan PCB pembayar cukai adalah RM1,000 setiap bulan. Pada bulan Mei, pembayar cukai ada membuat bayaran zakat secara pensendirian kepada</p>

Perkara	Implikasi
	<p>pusat urus zakat negeri. Sekiranya Borang TP1 dan salinan resit zakat dikemukakan kepada majikan, potongan PCB pembayar cukai mungkin akan berkurangan kepada RM700 untuk bulan berkenaan. Disebabkan Borang TP1 dan salinan resit tidak dikemukakan maka pihak majikan masih membuat potongan PCB sebanyak RM1,000 pada bulan berkenaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya pembayar cukai masih ingin menuntut potongan maka pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP untuk tahun taksiran berkenaan.
<ul style="list-style-type: none"> • Pembayar cukai mengemukakan Borang TP1 tetapi majikan menolak permohonan. <p>Senario : Pembayar cukai mengemukakan Borang TP1 kepada majikannya bagi tuntutan pelepasan pembelian komputer supaya PCB beliau pada bulan berkenaan akan berkurangan. Tetapi, majikan menolak tuntutan tersebut kerana amaun pembelian komputer tidak munasabah dan resit pembelian tidak disertakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Potongan PCB akan berlebihan. • Cukai akan menjadi terlebih bayar kerana majikan tidak membuat potongan seperti Borang TP1 disebabkan dokumen sokongan tidak dikemukakan.

Perkara	Implikasi
bersama-sama Borang TP1.	
<ul style="list-style-type: none"> Senario 1: Ali memilih untuk tidak mengemukakan BNCP bagi TT 2020 kerana telah melaporkan semua pendapatan dan maklumat pelepasan kepada majikan dengan betul dan yakin memenuhi semua syarat di bawah subseksyen 77C(3) ACP. 	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan audit dijalankan ke atas majikan dan sekiranya didapati majikan telah terkurang membuat potongan ke atas gaji Ali maka majikan akan dikenakan kompaun di bawah seksyen 124 ACP dan dikehendaki untuk meremitkan PCB yang terkurang lapor kepada LHDNM. Ali dikehendaki mengemukakan BNCP TT2020 kepada LHDNM. Penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP boleh dikenakan kepada Ali sekiranya lewat mengemukakan BNCP dalam tempoh yang ditetapkan.
<ul style="list-style-type: none"> Senario 2: Aminah memenuhi kesemua kriteria PCB sebagai cukai muktamad di bawah subseksyen 77C(3) ACP. Sebelum membuat pilihan untuk tidak mengemukakan BNCP TT 2020, Aminah telah membuat pengiraan cukai dan mendapati bahawa PCB yang dibuat dalam tahun 2020 lebih berbanding cukai yang dikenakan. Walaupun PCB yang dipotong adalah 	<ul style="list-style-type: none"> PCB Aminah akan dianggap sebagai cukai muktamad di bawah perenggan 77C(2)(b) ACP dan tiada bayaran balik akan dibuat kepada Aminah. Sekiranya audit dibuat ke atas Aminah, tiada taksiran pindaan akan dibuat ke atas Aminah jika cukai kena dibayar oleh Aminah lebih kecil berbanding PCBnya.

Perkara	Implikasi
<p>terlebih, namun Aminah memilih untuk tidak mengemukakan BNCP di bawah subseksyen 77C(3) ACP bagi TT2020.</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Senario 3: Hafiz telah membuat pilihan untuk tidak mengemukakan BNCP bagi TT 2020. Audit telah dijalankan mendapati Hafiz mempunyai pendapatan sewa. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hafiz perlu mengemukakan BNCP bagi TT2020 kepada LHDNM. PCB yang telah disifatkan sebagai cukai muktamad akan diabaikan. • Taksiran asal dan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP akan dibangkitkan.

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh Penerbitan : 03 Mei 2021